

RM5.9 bilion perbaiki kemudahan luar bandar

KUALA LUMPUR 28 Mac - Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah mendapat peruntukan RM5.9 bilion di bawah Rancangan Malaysia Kesembilan (RMK-9) bagi memperbaiki infrastruktur luar bandar.

Timbalan Menteri, Datuk Zainal Abidin Osman berkata, selain itu, kerajaan turut memberi perhatian serius kepada pembangunan modal insan luar bandar dengan peruntukan RM1.19 bilion untuk tujuan itu.

Katanya, peruntukan itu adalah untuk melaksanakan pelbagai program melibatkan pembangunan modal insan luar bandar.

"Kementerian turut meneruskan langkah meningkatkan prasarana berkaitan membina dan menaik taraf kelas tabika selain kelayakan akademik guru prasekolah ke taraf diploma," katanya.

Zainal Abidin berkata demikian ketika menjawab soalan **Datuk Dr. Shafie Salleh (BN-Kuala Langat)** pada sidang Dewan Rakyat, hari ini.

Antara program yang disediakan ialah latihan kemahiran, kursus motivasi, latihan keusahawanan, program prasekolah, menyediakan kemudahan teknologi maklumat dan komunikasi serta program pengupayaan kepimpinan Jawatan-kuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung (JKKK).

Katanya, kerajaan juga memberi tumpuan kepada masyarakat Orang Asli apabila menekankan program pendidikan dan peningkatan kualiti hidup masyarakat itu.